

Headline **MSU terus cipta nama dalam Malaysia Book of Records**
Date **05 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **L-32**
Article Size **156 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,309**
PRValue **9,927**



PELAJAR MSU rai pengiktirafan Malaysia Book of Records.

MSU terus cipta nama dalam Malaysia Book of Records

MANAGEMENT & Science University (MSU) melalui Student & Career Development (SCD) Unit dengan kerjasama Kelab Olahraga MSU mencipta rekod baru dalam *Malaysia Book of Records*, baru-baru ini.

Acara yang dikenali sebagai MSU Aids Awareness Run 2009 itu, dijalankan sempena sambutan Hari Aids/HIV Sedunia yang disambut pada Disember setiap tahun. Selain itu ia juga usaha yang dijalankan MSU dalam memberikan kesedaran mengenai Aids/HIV kepada pelajar dan masyarakat.

Larian itu membabitkan penyertaan 80 pelajar MSU dan meliputi larian baton tanpa henti sejauh 2,352 kilometer, mengambil masa 168 jam. Acara larian ini bermula pada 10 Disember dan berakhir 17 Disember, selama tujuh hari dan enam malam bertempat di Tasik Shah Alam, satu rekod baru di dalam *Malaysia Book of Records*.

Antara rekod lain pernah dilakukan ialah Rekod Peny-

sunan Syiling RM1 Terpanjang (518.4 meter); Rekod Kacau Dodol Paling Lama (114 jam); Larian Baton Berganti-Ganti Tanpa Henti (50 jam); Kinabalu Merdeka Challenge; menghasilkan Jalur Gemilang yang berukuran sepanjang 2.3 kilometer untuk direntang dari kemuncak ke kaki Gunung Kinabalu; *The Longest Non Stop Patriotic Songs Singing Event*; Rekod Menyusun Syiling 1 Sen Berbentuk Reben Aids Terbesar dan banyak lagi.

Program seperti ini dapat melahirkan pelajar berdaya saing dan berketrampilan. Ini meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran di kalangan pelajar.

Selain itu, ia bertujuan menyeimbangkan antara aktiviti akademik dan kokurikulum dan secara tidak langsung melahirkan graduan berkualiti dan mempunyai nilai 'softskill' tinggi.

Majlis meraikan kejayaan itu diadakan di kampus MSU di Shah Alam dan dirasmikan Presiden MSU, Profesor Datuk Wira Mohd Shukri Ab Yajid.